

<b>Headline</b>	<b>RAS bantu pupuk kesedaran</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>01 Jul 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,952</b>
<b>Page No</b>	<b>18</b>	<b>Readership</b>	<b>833,287</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>440 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 8,776</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 26,328</b>



# RAS bantu pupuk kesedaran

Jadi mata dan telinga bantu salurkan isu pencemaran kepada JAS

**R**AMAI daripada kita mula sedar mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar yang mana peningkatan kesedaran itu memberi faedah jangka panjang supaya menghargai persekitaran yang sihat dan bersih.

Bagaimanapun, bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS), peningkatan kesedaran itu wajar disusuli dengan usaha-usaha gerak kerja atau aktiviti bagi menterjemahkan perasaan dan semangat tersebut supaya hasilnya terbukti di depan mata.

Untuk itu, sebagai bukti kesungguhan dan penghargaan JAS kepada mereka yang mempunyai perasaan atau semangat cintakan alam sekitar, jabatan terbabit telah menubuhkan Rakan Alam Sekitar (RAS) yang menjadi platform kepada golongan berkenaan menjalankan aktiviti atau kempen kesedaran terhadap masyarakat.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS, **Datuk Abu Hassan Mohd. Isa**, ahli RAS yang jumlahnya kini mencapai 113,000 orang perlu memainkan peranan membantu jabatan menyalurkan maklumat yang diperoleh daripada masyarakat.

"Ahli RAS boleh memainkan peranan berperanan sebagai mata dan telinga membantu kita memberi maklumat dan aduan yang diterima daripada masyarakat dalam isu berkaitan alam sekitar seperti pencemaran," katanya kepada *Mega*.

Beliau berkata, isu-isu pencemaran perlu disampaikan segera supaya pihak berwajib dapat mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan aduan tersebut.

Beliau berkata, JAS sedang dalam rangka menambahbaik fungsi RAS dengan beberapa cadangan termasuk memberi latihan kepada ahlinya untuk berperanan seperti yang diharapkan memandangkan mereka merupakan ahli sukarela.

Antara program yang dirancang termasuk kembara atau ekspedisi berkaitan alam sekitar, ceramah dan seminar kesedaran, kempen atau gotong royong mengedarkan risalah serta aktiviti sokongan lain.

"Ahli yang kita ada biasanya mempunyai semangat cintakan alam sekitar tetapi kami juga berharap supaya semua lapisan masyarakat menyertai kempen anjuran RAS bagi menjana minat mereka kepada program pemuliharaan, kebersihan dan keindahan alam sekitar," kata beliau.

Sementara ketika ditemui pada Makmal Mini Rakan Alam Sekitar anjuran jabatan tersebut yang diadakan di Genting Highlands, Pahang baru-baru ini Abu Hassan berkata, program tersebut bertujuan memantapkan lagi peranan RAS bagi meningkatkan lagi keberkesanannya dalam membantu jabatan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Makmal mini tersebut dihadiri wakil daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) antaranya JAS, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem),

Jabatan Mineral dan Geosains serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Selain *Utusan Malaysia*, agensi luar daripada kementerian yang turut serta termasuk Institut Pembangunan dan Alam Sekitar (Lestari) UKM, Persatuan Pencinta Alam Sekitar (MNS), Yayasan Orator Malaysia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia Mengenai Alam Sekitar (MENGO) yang mana jumlah penyertaan kira-kira 50 orang.

**Info**

Antara topik yang dibincangkan ialah pemantapan semula:

- Program Penganugerahan seperti Bandar Lestari, Sekolah Lestari, Anugerah Langkawi, Projek Wira Alam dan Debat Alam Sekitar.
- Program sambutan seperti Hari Alam Sekitar Sedunia (WED)
- Minggu Alam Sekitar Sedunia (MASM)
- Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS)
- Program Rakan Alam Sekitar di setiap Kawasan Parlimen seperti Pusat RAS 1 Malaysia
- Publisiti bersama media dan pelantikan ikon, sisipan akhbar dan penerbitan.

<b>Headline</b>	<b>RAS bantu pupuk kesedaran</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>01 Jul 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,952</b>
<b>Page No</b>	<b>18</b>	<b>Readership</b>	<b>833,287</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>440 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 8,776</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 26,328</b>



**ABU HASSAN  
MOHD. ISA**



**AHLI RAS wajar menjadikan golongan muda sebagai kumpulan sasar dalam kempen kesedaran mengenai alam sekitar. - Gambar hiasan**